

Nilai-nilai Murni yang Perlu Diamalkan oleh Rakyat Malaysia

Isu amalan nilai-nilai murni di kalangan rakyat Malaysia kerap menjadi topik perbincangan (1) _____ di Parlimen dan media massa. Hal ini kerana terdapat segelintir rakyat yang masih kurang (2) _____ nilai-nilai murni dalam kehidupan mereka. Pada pendapat saya, isu amalan nilai-nilai murni ini tidak boleh dipandang ringan oleh masyarakat dan pemimpin negara. Jika nilai-nilai murni ini semakin kurang diamalkan, rakyat dan negara akan (3) _____ masalah pada masa depan. Sebagai rakyat Malaysia, terdapat beberapa nilai murni yang perlu diamalkan dalam kehidupan seharian.

Antara nilai murni yang perlu diamalkan oleh rakyat Malaysia ialah nilai (4) _____. Rasional bermaksud kemampuan berfikir berdasarkan alasan dan (5) _____ yang nyata serta dapat mengambil tindakan yang wajar tanpa dipengaruhi oleh (6) _____. Amalan nilai rasional ini penting kepada rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Sebagai contoh, rakyat Malaysia perlu berfikir rasional tentang dasar kerajaan untuk mengurangkan jurang ekonomi antara kaum. Jika amalan nilai rasional ini dapat diamalkan, pasti kehidupan masyarakat Malaysia akan terus aman dan damai.

Nilai murni seterusnya yang perlu diamalkan oleh rakyat Malaysia ialah nilai (7) _____. Nilai hormat-menghormati bermaksud tingkah laku memuliakan seseorang atau institusi sosial dengan memberikan layanan yang (8) _____. Nilai hormat-menghormati ini penting kerana ia dapat (9) _____ perpaduan kaum di Malaysia. Sebagai contoh, jika sesuatu kaum meraikan sesuatu perayaan, maka kaum yang lain mestilah menghormati perayaan tersebut. Sesungguhnya, amalan nilai hormat-menghormati ini amat penting dan ia memberikan kesan yang besar kepada keamanan negara.

Nilai kebersihan fizikal dan (10) _____ juga perlu diamalkan oleh rakyat Malaysia. Nilai kebersihan fizikal merujuk kepada kebersihan diri dan kebersihan persekitaran, manakala kebersihan mental pula merujuk kepada kebersihan pertuturan, (11) _____ dan pemikiran. Nilai kebersihan fizikal dan mental amat penting bagi memastikan rakyat Malaysia sentiasa (12) _____ dan ceria. Amalan nilai kebersihan fizikal dapat dilihat daripada penampilan diri dan kebersihan alam sekitar di negara kita. Sesungguhnya, amalan nilai kebersihan fizikal dan mental rakyat Malaysia masih belum cemerlang dan mesti diperbaiki.

Nilai kerajinan juga penting kepada rakyat kerana Malaysia berhasrat menjadi negara maju pada tahun 2020. Nilai kerajinan bermaksud usaha yang berterusan, tekun serta (13) _____ dalam melakukan sesuatu perkara. Amalan nilai kerajinan oleh rakyat akan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang (14) _____ dalam pelbagai bidang khususnya ekonomi dan sains. Hal ini dapat dilihat pada negara Jepun dan Korea yang maju kerana rakyatnya rajin bekerja. Jika rakyat Malaysia rajin, tidak mustahil Malaysia juga akan maju seperti negara Jepun dan Korea menjelang tahun 2020.

Nilai murni yang juga penting dan mesti diamalkan oleh rakyat Malaysia ialah nilai (15) _____. Nilai patriotisme bermaksud semangat cinta akan negara. Setiap

rakyat mesti mengamalkan nilai patriotisme kerana nilai ini dapat menjadikan negara kita Malaysia terus (16) _____ dan dihormati. Oleh itu, rakyat Malaysia mestilah bersama-sama menjayakan sambutan Hari Kemerdekaan yang diraikan pada setiap tahun kerana program ini dapat memupuk semangat patriotisme. Sesungguhnya, benteng kemerdekaan negara bergantung kepada semangat patriotisme yang kental yang perlu ada pada setiap rakyat Malaysia.

Kesimpulannya, nyatalah bahawa amalan nilai-nilai murni amat (17) _____ di kalangan rakyat Malaysia. Pada masa kini, amalan nilai-nilai murni di kalangan rakyat masih lagi rendah dan perlu dipertingkatkan. Oleh itu, pihak kerajaan seharusnya (18) _____ usaha untuk menerapkan nilai-nilai murni di kalangan rakyat. Setiap rakyat juga mesti sedar bahawa mereka mempunyai (19) _____ untuk menjadikan negara Malaysia aman dan maju. Jika semua pihak dapat mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian, saya pasti rakyat akan hidup dalam keadaan yang (20) _____ dan Malaysia akan menjadi negara maju pada tahun 2020.

hangat(热门) mengamalkan(实践) menghadapi(面对) rasional(理性) bukti(证据) perasaan(情绪) hormat-menghormati(互相尊重) sopan(有礼貌) memupuk(培养) mental(心理)	perlakuan(行为) sihat(健康) dedikasi(奉献) cemerlang(卓越) patriotisme(爱国精神) merdeka(独立) penting(重要) melipatgandakan(加倍) tanggungjawab(责任) aman(安全)
--	---